

## Al-Hikam Al-'Atā'iyah

(70)

مَنْ رَأَيْتَهُ مُجِيبًا عَنْ كُلِّ مَا سُئِلَ وَمُعَبِّرًا عَنْ كُلِّ مَا شَاهَدَ وَذَاكِرًا كُلَّ مَا عَلِمَ فَاسْتَدِلَّ  
بِذَلِكَ عَلَى وُجُودِ جَهْلِهِ.

Sesiapa yang engkau lihat menjawab setiap yang disoal [dari hal *al-ma'rifah* dan *at-tauhīd*], dan mentakbirkan (yakni memberi takwil) setiap yang dia saksikan [pada *sīr*-nya dan kasyafnya], dan menyebut setiap yang dia ketahui [dari *'ālam al-ghaib*], maka perkara itu menunjukkan bahawa wujud kejahilan pada dirinya.